



1. Apa itu Program Rebat Bil Elektrik RM40?

- Program bantuan Kerajaan **secara bersasar** untuk membiayai bil elektrik bulanan sehingga RM40 kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus **miskin tegar sahaja yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih**.
- Mulai 2 Januari 2021, sistem eKasih akan menggunakan **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019** yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada Julai 2020 dalam penentuan status kemiskinan terkini. Program Rebat Bil Elektrik RM40 hanya akan diberikan kepada KIR yang berpendapatan bulanan di bawah pendapatan purata nasional RM1,169.
- Pengguna yang layak akan menerima bil elektrik percuma sehingga RM40 setiap bulan.
- Program diumumkan oleh Kerajaan dalam Ucapan Bajet 2019 pada 2 November 2018.

2. Siapakah yang layak menerima rebat bil elektrik RM40?

- Ketua Isi Rumah (KIR) di bawah kategori miskin tegar yang tersenarai dan disahkan dalam Sistem eKasih.
- Pendapatan bagi miskin tegar adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) per isi rumah yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.
- Sehubungan itu, terdapat perubahan bagi purata pendapatan per isi rumah bagi data eKasih seperti berikut:

Kategori	Purata Nasional PGK 2016	Purata Nasional PGK 2019
Miskin tegar	RM619 sebulan	RM1,169 sebulan
Miskin	RM980 sebulan	RM2,208 sebulan

3. Kenapakah pelaksanaan Program Rebat Bil Elektrik RM40 bagi tahun 2021 diberikan kepada KIR di bawah kategori miskin tegar sahaja berbanding pelaksanaannya pada tahun 2019 hingga 2020?

Pelaksanaan Program Rebat Bil Elektrik RM40 bagi tahun 2021 adalah berdasarkan PGK 2019, di mana purata pendapatan sebulan bagi kategori miskin tegar dinaikan daripada RM619 kepada RM1,169 sebulan. Dalam hubungan ini, KIR yang tergolong dalam kategori miskin bagi tahun 2020 (berdasarkan PGK 2016) akan diklasifikasikan secara automatik sebagai miskin tegar bagi tahun 2021 berdasarkan PGK 2019.

4. Apakah syarat-syarat Program Rebat Bil Elektrik RM40?

- (i) Pengguna-pengguna elektrik yang layak menerima rebat ialah KIR miskin tegar yang disenaraikan dan disahkan dalam Sistem eKasih;
- (ii) Penerima yang layak akan menerima rebat RM40 sehingga 31 Disember 2021;
- (iii) Rebat bil elektrik akan diberikan sehingga RM40 sebulan sahaja. Sekiranya bil kurang daripada RM40, tiada baki akan dibawa ke bulan berikutnya dan jika bil melebihi RM40, penerima perlu membayar baki tersebut;
- (iv) **Hanya satu akaun bil elektrik sahaja layak untuk menerima rebat** bagi setiap KIR dalam kumpulan miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dalam sistem eKasih;
- (v) Rebat RM40 hanya terpakai kepada Tarif A (Domestik) sahaja;

- (vi) Rebat RM40 termasuk semua jenis caj (contohnya penalti lewat bayar);
- (vii) Rebat RM40 tidak termasuk tunggakan bil pada 2019;
- (viii) Pengguna boleh memilih untuk menukar nombor akaun elektrik yang akan menerima rebat dari semasa ke semasa dengan merujuk terus kepada cawangan utiliti berdekatan untuk mengemas kini nombor akaun; dan
- (ix) Bil elektrik sehingga RM40 sebulan akan ditolak terus daripada akaun pengguna.

5. Mengapakah Kerajaan memperkenalkan Program Rebat Bil Elektrik RM40?

- Kerajaan hendak memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran iaitu keluarga miskin tegar yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan.

6. Bagaimana untuk menyemak kelayakan Program Rebat Bil Elektrik RM40?

- Anda boleh membuat semakan di Portal KeTSA melalui <https://semakanrebat.ketsa.gov.my/apps/public/index.php>

7. Bolehkan saya menyemak kelayakan Program Rebat Bil Elektrik RM40 pada Sistem eKasih menerusi <https://ekasih.icu.gov.my/Pages/Default.aspx>?

- Tidak boleh. Kelayakan bagi Program Rebat Bil Elektrik RM40 perlu disemak daripada Portal KeTSA sahaja.
- Ini kerana, Sistem eKasih ialah Pangkalan Data Nasional mengenai kemiskinan. Pengguna tidak dapat menyemak bantuan yang diterima oleh mereka.

8. Saya cuba membuat semakan pada Sistem eKasih di <https://ekasih.icu.gov.my/Pages/Default.aspx> dan mendapati bahawa saya tersenarai dalam data eKasih tersebut. Selanjutnya, saya membuat semakan lanjut rebat bil elektrik RM40 di Portal KeTSA <https://semakanrebat.ketsa.gov.my> dan mendapati saya tidak layak menerima bantuan rebat bil elektrik. Saya keliru. Mengapa situasi ini berlaku?

- Sistem eKasih ialah Pangkalan Data Nasional mengenai kemiskinan.
- Sehubungan itu, maklumat pengguna yang disahkan dalam Sistem eKasih terbahagi kepada beberapa kategori tertakluk kepada maklumat kemiskinan yang direkodkan.
- Hanya pengguna di bawah **kategori miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih** akan menerima bantuan di bawah Program Rebat Bil Elektrik RM40.
- Pengguna tidak layak menerima rebat bil elektrik RM40 sekiranya tidak tersenarai di bawah kategori miskin tegar yang didaftar dan disahkan dalam Sistem eKasih, walaupun nama pengguna tersenarai dalam Sistem eKasih.

9. **Apa itu Sistem eKasih?**

- Sistem eKasih ialah Pangkalan Data Kemiskinan Nasional mengenai kemiskinan.
- Mengandungi maklumat profil individu lengkap Ketua Isi Rumah / Ahli Isi Rumah.
- Sistem di bawah pengurusan Unit Penyelasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

- Cawangan di peringkat negeri ialah Pejabat Pembangunan Persekutuan / Jabatan Pembangunan Persekutuan (PPPN/JPP) ICU JPM.

10. Sehingga bilakah saya layak menerima rebat bil elektrik RM40?

- Terdapat dua kategori pengguna:
 - KIR pemegang akaun bil elektrik: Akan terima rebat secara automatik
 - KIR bukan pemegang akaun bil elektrik: Sehingga KIR mengemas kini nombor akaun dengan utiliti
- Pengguna yang layak akan menerima rebat RM40 bermula dari tarikh kelayakan sehingga Disember 2021 berdasarkan tarikh bil elektrik pengguna masing-masing.
- Kerajaan akan menyemak semula program rebat pada tahun-tahun yang akan datang selaras dengan keberkesanan program dan tertakluk kepada bajet dan keupayaan kewangan Kerajaan.

11. Apakah perbezaan Program Rebat Bil Elektrik RM40 dengan Program Rebat Bil Elektrik RM20?

- Program Rebat Bil Elektrik RM40 merupakan program baharu diperkenalkan bermula tahun 2019.
- Program ini menggantikan Program Rebat Bil Elektrik RM20 yang tamat pada bulan Disember 2018.
- Program baharu ini dikhususkan kepada pengguna domestik kategori miskin tegar yang berdaftar dalam Sistem eKasih.

No	Program Rebat RM40	Program Rebat RM20
1	Bantuan Kerajaan diberikan secara bersasar khusus kepada pengguna miskin tegar.	Bantuan diberi kepada semua lapisan masyarakat dengan bil elektrik RM20 dan ke bawah.
2	Pendapatan isi rumah pengguna miskin tegar berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 per kapita yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.	Tidak mengambil kira jumlah pendapatan isi rumah.
3	Nilai bantuan ditingkatkan kepada sehingga RM40 sebulan.	Nilai bantuan sehingga RM20 sebulan.
4	Pengguna miskin tegar berdasarkan rekod dalam Sistem eKasih, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).	Tiada pangkalan data khusus.
5	Bantuan hanya diberikan kepada warganegara berdasarkan data eKasih.	Terbuka kepada semua pengguna elektrik termasuk bukan warganegara.

12. Mengapa Kerajaan menamatkan Program Rebat Bil Elektrik RM20?

- Kerajaan telah memperkenalkan program baharu Program Rebat Bil Elektrik RM40 yang lebih bersasar untuk golongan miskin tegar.

- Program ini khusus membantu keluarga miskin tegar berdaftar dalam Sistem eKasih yang akan mendapat bil elektrik percuma sehingga RM40 sebulan.

13. Bagaimana jika bil elektrik saya lebih RM40 sebulan?

- Pengguna yang layak akan menerima rebat bil elektrik sehingga RM40 sebulan.
- Sekiranya bil elektrik melebihi RM40 sebulan, pengguna hanya perlu membayar baki bil elektrik sahaja.
- Contoh:

Kaedah	Bil Elektrik Bulanan Sebelum Rebat (RM)	Ditolak Rebat (RM)	Baki Bayaran oleh Pengguna (RM)
Contoh 1	64.90	(40.00)	24.90
Contoh 2	42.50	(40.00)	2.50

14. Bagaimana jika bil elektrik saya kurang RM40 sebulan?

- Sekiranya bil elektrik kurang RM40 sebulan, pengguna akan menerima rebat berdasarkan amaun sebenar bil elektrik.
- Contoh:

Kaedah	Bil Elektrik Bulanan Sebelum Rebat (RM)	Ditolak Rebat (RM)	Tiada Bayaran oleh Pengguna (RM)
Contoh 1	38.50	(38.50)	0.00
Contoh 2	24.88	(24.88)	0.00

15. Bagaimana jika saya mempunyai lebih daripada satu akaun bil elektrik?

- Pengguna **hanya boleh mendaftarkan 1 akaun bil elektrik** sahaja pada satu-satu masa.
- Pengguna perlu merujuk terus kepada cawangan utiliti berdekatan untuk mengemas kini nombor akaun.

16. Bagaimana jika saya perlu menukar nombor akaun bil elektrik?

- Pengguna boleh memilih untuk menukar nombor akaun bil elektrik yang akan menerima rebat dari semasa ke semasa.
- Pengguna perlu merujuk terus kepada cawangan utiliti berdekatan untuk mengemas kini nombor akaun.

17. Saya tersenarai di dalam Sistem eKasih. Namun begitu, saya tidak mempunyai nombor akaun bil elektrik yang berdaftar atas nama saya. Sebaliknya, nombor akaun bil elektrik telah didaftarkan atas nama ahli keluarga (e.g. suami, isteri, anak). Bolehkah saya mendaftar nombor akaun bil elektrik tersebut?

- Pengguna boleh mendaftar nombor akaun bil elektrik yang didaftarkan atas nama ahli keluarga contohnya suami atau isteri atau anak.
- Pengguna perlu merujuk terus kepada cawangan utiliti berdekatan untuk mengemas kini nombor akaun.

18. Saya mempunyai akaun elektrik rumah kediaman dan akaun elektrik kedai runcit yang saya usahakan secara kecil-kecilan. Bolehkan saya mendaftarkan kedua-dua nombor akaun bil elektrik di bawah Program Rebat Bil Elektrik RM40?

- Pengguna **hanya boleh mendaftar satu nombor akaun sahaja.**

- Program rebat hanya terpakai kepada **tarif rumah kediaman atau domestik sahaja** dan tidak boleh mendaftar bagi lain-lain kategori tarif seperti tarif komersil untuk kedai runcit.

19. Saya merupakan penyewa rumah dan nombor akaun bil elektrik didaftarkan di atas nama tuan rumah. Bagaimanakah saya hendak mendaftar nombor akaun bil elektrik di bawah Program Rebat Bil Elektrik RM40?

- Penyewa boleh mendaftar nombor akaun bil elektrik yang didaftarkan di atas penama lain (e.g. tuan rumah).
- Pengguna perlu merujuk terus kepada cawangan utiliti berdekatan dengan anda untuk mengemas kini nombor akaun.

20. Apakah nombor telefon yang boleh dihubungi sekiranya saya memerlukan penjelasan lanjut?

- Pengguna boleh menghubungi talian hotline MyGCC, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan Sarawak Energy Berhad (SEB) jika memerlukan penjelasan lanjut mengenai program ini.

MyGCC			sarawak energy
Hotline: 03-8000 8000	Hotline: 1-300-88-5454	Hotline: 088-515000 15454	Hotline: 1-300-88-3111

-Tamat-